

# Nasihat kepada isteri2 yang 'digantung tanpa tali'

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Ketua Pergerakan Wanita Umno Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, hari ini menasihatkan wanita yang ditinggalkan suami tanpa sebarang sebab dan tidak pula dicerai-kan supaya menulis atau berhubung segera dengan Pergerakan itu.

Menurut Datin Paduka Hajah Aishah, selepas memperkerusi mesyuarat Exco Pergerakan itu, pihaknya telah difahamkan oleh Jabatan agama negeri-negeri perkara "gantung tidak bertali" tidak lagi berlaku di negara ini.

Sebagai Ketua Pergerakan dan juga Menteri Kebajikan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Aishah memberi jaminannya akan membantu mereka yang menghadapi masalah itu.

"Dulu, memang ada

kes-kes seperti ini, tetapi menurut beberapa orang kadi dan mufti yang ditemui, perkara itu telah berkurangan.

"Sekiranya, ada wanita yang masih mendapat layanan begitu, mereka boleh menulis terus atau berhubung dengan Pergerakan ini supaya siasatan boleh dibuat dan tindakan diambil.

"Wanita Umno akan cuba meminta pihak berkuasa memberi bantuan mengatasi masalah ini," katanya.

Selain dari itu, beliau juga memberitahu bahawa pihaknya meminta Kementerian Buruh supaya diperluaskan Akta Pekerjaan yang telah dikaji semula dalam tahun 1981.

Wanita Umno mencadangkan diadakan satu akta bagi Pembantu Rumah supaya ia boleh diterima sebagai satu profesion.

Untuk melaksanakannya, satu kursus pemban-

tu rumah dengan kerjasama Projek Pembangunan Wanita Asean yang akan diadakan pada bulan Ogos ini.

Buat permulaan, seramai 20 orang peserta akan diambil untuk mengikuti latihan itu dan ia untuk mereka yang berminat sahaja.

Kursus itu menurut Datin Paduka Hajah Aishah, adalah percuma

tetapi para peserta haruslah mencari tempat tinggal sendiri.

Latihan enam hari seminggu selama enam minggu dan para peserta akan diajar cara-cara memasak menggunakan alat-alat moden.

Pembantu-pembantu rumah yang sudah bekerja juga katanya, boleh mengikuti latihan itu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia